

# Mampu realisasi hasrat Malaysia jadi hab pendidikan tinggi

BN (UAR 8711) 2/1/17 (WHAMIS) NIS-V31

← Dari V29

Prof Daing Mohd Nasir yang juga Naib Canselor **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** turut memuji langkah kerajaan memperuntukkan pemberian biasiswa sebanyak RM2.2 bilion, selain RM90 juta kepada Program MyBrain bagi 10,600 orang melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dan kedoktoran.

"Dua usaha itu adalah untuk mempersiapkan negara ke arah ekonomi digital dan pendidikan tinggi lebih cemerlang," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Sementara itu Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata kenaikan peruntukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) berupaya melonjakkan lagi kecemerlangan universiti negara, sekali gus mempertingkat kemasukan pelajar

antarabangsa dan merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia hab pendidikan tinggi.

Bajet 2018 memperuntukkan RM400 juta geran R&D kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA), meningkat berbanding RM235 juta bajet lalu, termasuk satu peruntukan khas kepada Universiti Malaya (UM) bagi mencapai status 'Top 100 Universities in the World' dalam masa terdekat.

"Bajet 2018 secara keseluruhan menepati tema ditetapkan kerajaan dan akan menjadi asas kepada acuan negara seperti yang direncanakan menerusi Transformasi Nasional 2050 (TN50)," katanya.

## **Pacu kecemerlangan**

Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar, pula berkata universiti itu berkeyakinan dapat meningkatkan aktiviti penyelidikan, seterusnya menyumbang ke

arah pembangunan Malaysia dalam usaha menjadi negara maju.

Dalam konteks ini, beliau berkata, UTM akan melaksanakan Penyelidikan Translasi yang dapat memberi impak terus kepada komuniti.

"Geran ini akan dipertingkatkan dengan mengadakan projek bersama kerajaan negeri, iaitu Institut Inovasi Strategi Johor (IISJ), dan agensi berkaitan bagi memastikan ia memberi manfaat kepada komuniti.

"UTM juga akan bekerjasama dengan usahawan supaya penyelidikan yang dihasilkan dapat dipasar dan dikembangkan oleh mereka," katanya.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata peruntukan R&D dalam Bajet 2018 bukan sahaja bakal memberi impak positif terhadap ekosistem bidang itu yang menjadi



Prof Datuk Dr Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim

antara komponen penting memacu kecemerlangan universiti tetapi juga membuka ruang untuk penyelidik terus berinovasi.

"Kecemerlangan universiti dapat melonjakkan Malaysia dari segi 'output research' dan lebih menonjol sebagai hab pendidikan pilihan, diiktiraf serta dihormati," katanya.

## **Cukup inklusif**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UM, Prof Dr Noorsaadah Abd Rahman, berkata peningkatan peruntukan R&D dalam Bajet 2018 dapat membantu universiti menjalankan penyelidikan berimpak tinggi yang membolehkan penyelidik tempatan bersaing dengan rakan antarabangsa.

"Penyelidikan dapat memberi impak dan meningkatkan reputasi UM pada peringkat antarabangsa, selain membantu menaikkan ranking dalam kelompok 100 universiti terbaik dunia," katanya.

Dalam pada itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) komited menyahut seruan kerajaan untuk mencapai sasaran kemasukan 250,000 pelajar menjelang 2020.

Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said, berkata Bajet 2018 cukup inklusif kerana mengambil kira pelbagai lapisan masyarakat sedia ada di Malaysia.

"UiTM menyambut baik peruntukan diberikan kepada universiti, sekali gus membuktikan komitmen jitu ke arah pemerkasaan pendidikan anak bangsa.

"Melalui bajet ini, saya yakin hasrat kerajaan untuk mencapai aspirasi TN50 akan dapat direalisasikan," katanya.

UiTM sebagai institusi Bumiputera menunjukkan pencapaian membanggakan apabila berjaya melahirkan lebih 700,000 graduan Melayu dan Bumiputera.